

**PELAJARAN 8 : PERANAN WAHYU DAN AKAL**

**BAHAGIAN A (20 MARKAH)**

Untuk  
kegunaan  
Pemeriksa

**Soalan 1 hingga Soalan 4 (Isi tempat kosong)**

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

Untuk  
kegunaan  
Pemeriksa

|  |   |
|--|---|
|  | 1 |
|--|---|

- 1 Membaca dan \_\_\_\_\_ al-Quran dikira sebagai ibadah dan mendapat pahala.

|  |   |
|--|---|
|  | 1 |
|--|---|

- 2 Akal menjadi syarat penerima taklif \_\_\_\_\_ bagi manusia yang sempurna akal.

|  |   |
|--|---|
|  | 1 |
|--|---|

- 3 Wahyu terhenti dan tidak diturunkan selepas \_\_\_\_\_ Rasulullah SAW.

|  |   |
|--|---|
|  | 1 |
|--|---|

- 4 Wahyu \_\_\_\_\_ memelihara akal supaya berfikir dan bertindak secara \_\_\_\_\_ serta selari dengan tuntutan syarak

**Soalan 5 hingga soalan 8**

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut pada ruangan yang disediakan.

|  |   |
|--|---|
|  | 1 |
|--|---|

- 4 Kalam Allah SWT yang disampaikan kepada para nabi dan rasul melalui perantaraan malaikat Jibril a.s. atau terus daripada Allah SWT.

|  |   |
|--|---|
|  | 1 |
|--|---|

- 5 Keupayaan berfikir yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia untuk membezakannya dengan haiwan.

|  |   |
|--|---|
|  | 1 |
|--|---|

- 6 Kalam Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan malaikat Jibril dan mendapat pahala membacanya..

|  |   |
|--|---|
|  | 1 |
|--|---|

- 7 Perkataan, perbuatan, pengakuan dan sifat-sifat yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW.

**Soalan 9 hingga soalan 12**

Tentukan pernyataan dalam jadual di bawah sebagai kedudukan wahyu atau kedudukan akal


| KEDUDUKAN WAHYU DAN AKAL |                                                                                    |
|--------------------------|------------------------------------------------------------------------------------|
| 9                        | ➤ Menjadi rujukan utama dalam menentukan hukum-hakam.                              |
| 10                       | ➤ Sebagai pemisah antara hak dan batil                                             |
| 11                       | ➤ Sebagai petunjuk mutlak yang tidak terpengaruh dengan suasana ataupun peristiwa. |
| 12                       | ➤ Mempunyai keterbatasan untuk menjelaskan sesuatu seperti perkara ghaib.          |

| WAHYU /<br>AKAL |
|-----------------|
|                 |
|                 |
|                 |
|                 |

|  |   |
|--|---|
|  | 1 |
|  | 1 |
|  | 1 |
|  | 1 |

**Soalan 13 hingga soalan 14**

Lengkapkan carta di bawah mengenai ciri-ciri akal.




13. P ialah \_\_\_\_\_

14. Q ialah \_\_\_\_\_

|  |   |
|--|---|
|  | 1 |
|  | 1 |

**Soalan 15 hingga soalan 16**

Lengkapkan carta di bawah dengan perkara yang merosakkan akal.



15. R ialah \_\_\_\_\_

16. S ialah \_\_\_\_\_

**Soalan 17 hingga soalan 20**

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul. Tandakan (X) pada pernyataan yang salah.

17 Al-Quran mengandungi 20 juzuk, 114 surah dan 6236 ayat.

18 Akal membantu manusia mempelajari cara-cara untuk mendekatkan diri dan beribadat kepada Allah SWT.

19 Akal manusia tidak mempunyai keterbatasan untuk menjelaskan sesuatu perkara termasuk perkara-perkara ghaib.

20 Wahyu membimbing akal supaya tindakan yang dilaksanakan dalam kehidupan menepati hukum syarak.

|  |   |
|--|---|
|  | 1 |
|  | 1 |

|  |   |
|--|---|
|  | 1 |
|  | 1 |
|  | 1 |
|  | 1 |